



Jabatan Perangkaan  
M A L A Y S I A

## KENYATAAN MEDIA

### UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 5/2021

---

#### **PRESTASI INDIKATOR EKONOMI UTAMA YANG LEBIH BAIK MEMBERI ISYARAT PEMULIHAN EKONOMI SECARA BERANSUR-ANSUR**

**PUTRAJAYA, 27 MEI 2021** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 5/2021**. MESR ini menyediakan analisis terperinci berdasarkan prestasi statistik ekonomi utama yang terkini dan turut memaparkan artikel bertajuk “Jurang digital di kalangan pelajar di Malaysia”. Artikel ini memperihalkan pemilikan peralatan digital di kalangan pelajar di Malaysia bagi tujuan pendidikan.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Walaupun krisis kesihatan masih berlarutan, kebanyakan negara di dunia menunjukkan prestasi ekonomi yang lebih baik pada suku pertama 2021 berbanding tahun sebelumnya. Ekonomi United States pulih kepada pertumbuhan positif 0.4 peratus setelah mencatatkan pertumbuhan negatif selama tiga suku tahun berturut-turut manakala ekonomi European Union (EU) bertambah baik dengan penguncupan yang lebih perlahan 1.7 peratus. Di rantau Asia Timur, China, Taiwan dan South Korea menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang positif, iaitu lebih baik berbanding suku tahun sebelumnya. Bagi negara-negara ASEAN, ekonomi Singapore meningkat 1.3 peratus manakala Indonesia dan Philippines mencatatkan penurunan yang lebih kecil masing-masing 0.7 peratus dan 4.2 peratus".

Mengulas lanjut mengenai situasi ekonomi negara pada suku pertama, Ketua Perangkawan menyatakan, "Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia menyusut secara marginal 0.5 peratus pada suku pertama 2021, lebih baik daripada penguncupan 3.4 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Peningkatan ini disokong oleh pengembangan dalam sektor Pembuatan dan pemulihan sektor Pertanian. Di samping itu, semua sektor ekonomi mencatatkan prestasi yang lebih baik berbanding dua suku tahun terakhir. Ekonomi Malaysia pada suku tahun ini pulih secara beransur-ansur berikutan lebih banyak aktiviti ekonomi dibenarkan beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 berbanding pelaksanaan yang lebih ketat semasa PKP 1.0 yang dikenakan pada bulan Mac 2020. Pelbagai pakej rangsangan yang diperkenalkan juga mendorong pemulihan ekonomi dan mengurangkan kesan potensi kerugian ekonomi negara ini. Tambahan pula, persekitaran ekonomi yang menggalakkan pada suku

pertama 2021 adalah disumbangkan oleh prestasi petunjuk ekonomi utama yang lebih baik terutamanya pada bulan Mac 2021.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Imbangan Akaun Semasa Malaysia (CAB) terus mencatatkan lebihan dengan merekodkan RM12.3 bilion pada suku pertama 2021 berbanding RM18.6 bilion pada suku tahun sebelumnya, didorong oleh momentum positif eksport bersih Barang. Sementara itu, Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatatkan aliran masuk yang lebih tinggi sebanyak RM9.1 bilion berbanding RM6.8 bilion pada suku tahun sebelumnya disebabkan oleh aliran masuk ekuiti dan pelaburan yang boleh dilabur semula yang lebih tinggi serta aliran masuk yang lebih rendah terhadap instrumen hutang. Pada masa yang sama, Pelaburan Langsung Asing di Luar Negeri (DIA) oleh syarikat-syarikat Malaysia turut mencatatkan peningkatan didorong oleh pembukaan semula ekonomi global, yang merekodkan RM7.8 bilion pada suku pertama 2021 daripada RM5.2 bilion pada suku tahun sebelumnya disebabkan oleh pelaburan terhadap ekuiti di luar negara dan pendapatan yang boleh dilabur semula yang lebih tinggi pada suku tahun ini. Sementara itu, perdagangan Malaysia terus meningkat, dengan jumlah perdagangan mencatatkan kenaikan dua digit sebanyak 14.8 peratus tahun ke tahun. Sejak dengan ini, imbangan perdagangan Malaysia kekal merekodkan lebihan sebanyak RM58.6 bilion. Pada tempoh yang sama, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 3.9 peratus, disokong oleh pertumbuhan ketara indeks Pembuatan. Di samping itu, prestasi sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara masih terkesan di mana jumlah hasil dan indeks volum menyusut, namun pada kadar yang lebih perlahan berbanding pada suku tahun yang lepas".

Pada suku pertama 2021, Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 0.5 peratus kepada 122.5 berikutan peningkatan indeks Makanan & Minuman Bukan Alkohol (1.5%) dan Pelbagai Barang & Perkhidmatan (1.5%). Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan juga meningkat 3.0 peratus kepada 108.5 disumbangkan oleh kenaikan indeks Pertanian, perhutanan dan perikanan (32.6%), Pembuatan (1.6%) dan Bekalan air (0.4%). Pada masa yang sama, indeks Perlombongan dan Bekalan elektrik & gas masing-masing mencatatkan penurunan 7.3 peratus dan 1.7 peratus.

Berdasarkan pasaran buruh, beliau menyatakan, " Berikut langkah bersasar dalam menangani pandemik COVID-19 di negara ini, ketidaktentuan momentum pemulihan dalam pasaran buruh dapat diperhatikan dengan bilangan penduduk bekerja menurun sedikit 0.04 peratus tahun ke tahun kepada 15.24 juta orang dan kadar pengangguran kekal tinggi melebihi empat peratus dengan merekodkan 4.8 peratus pada suku pertama 2021. Dari sudut permintaan buruh, bilangan jawatan dalam sektor ekonomi berkurang sedikit dipengaruhi penurunan dalam jawatan diisi sementara kekosongan mencatatkan peningkatan kecil. Secara keseluruhannya, pasaran buruh masih berada dalam situasi yang mencabar dan belum kembali seperti keadaan sebelum COVID melanda".

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin merumuskan, "Berdasarkan prestasi beberapa indikator ekonomi utama, ekonomi dijangka bertumbuh lebih kukuh pada suku kedua 2021

terutamanya disebabkan kesan asas yang lebih rendah apabila ekonomi merosot 17.1 peratus pada suku tahun kedua 2020. Walau bagaimanapun, pemulihian ekonomi juga bergantung kepada tahap di mana jangkitan COVID-19 dapat dikawal dan impak pelaksanaan PKP 3.0 dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang diperketatkan terhadap sektor ekonomi dan sosial. Lanjutan bagi perkara ini, Indeks Pelopor (IP) pada Mac 2021 mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada 17.3 peratus, terutamanya disebabkan oleh kesan asas yang rendah pada Mac 2020 susulan *lockdown* yang dilaksanakan di seluruh negara serta disokong oleh prestasi komponen IP yang lebih baik. Mengambil kira prestasi IP dan situasi semasa wabak COVID-19, dilihat bahawa prospek ekonomi dalam jangka pendek adalah menggalakkan namun dalam persekitaran yang mencabar. Oleh itu, komitmen semua individu adalah sangat penting dalam mengawal situasi pandemik semasa bagi mengembalikan momentum ekonomi dalam beberapa bulan akan datang”.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
27 MEI 2021**



**Department of Statistics  
M A L A Y S I A**

**MEDIA STATEMENT  
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 5/2021**

**SIGNS OF GRADUAL ECONOMIC RECOVERY, INFLUENCED BY BETTER  
PERFORMANCE OF KEY ECONOMIC INDICATORS**

**PUTRAJAYA, 27<sup>th</sup> MAY 2021** – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) published the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 5/2021**. The MESR provides a detailed analysis based on the recent key statistics of Malaysia's economic performance and features an article, namely "Digital gap among students in Malaysia". The article identified ownership of digital tools among students in Malaysia in relation to educational purposes.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia, "Although the health crisis still underway, most countries around the globe indicated better economic performance in the first quarter of 2021 as against the previous year. The United States economy rebounded to a positive growth of 0.4 per cent after recording negative growth for three consecutive quarters while the European Union (EU) economy improved with a slower contraction of 1.7 per cent. In the East Asian region, China, Taiwan and South Korea posted positive economic growths, registering better growth against the preceding quarter. For ASEAN countries, Singapore's economy grew 1.3 per cent whereas Indonesia and the Philippines recorded smaller decreases of 0.7 per cent and 4.2 per cent respectively".

Commenting on the country's first quarter economic situation, the Chief Statistician said, "Malaysia's Gross Domestic Products (GDP) declined marginally at 0.5 per cent in the first quarter of 2021, continued its recovery from a contraction of 3.4 per cent in the preceding quarter. The improvement was supported by the expansion in Manufacturing sector and the rebound of Agriculture sector. Besides, all economic sectors recorded better performance as compared to the last two quarters. Malaysia's economy in this quarter gradually recovered as more economic activities were allowed to operate following MCO 2.0, less stringent than the MCO 1.0 imposed in March 2020. Various stimulus packages introduced also steered the economic recovery and cushioned the potential economic losses of this country. Adding to this, encouraging economic environment during the first quarter of 2021 was largely driven by the better performance of key economic indicators in March 2021".

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added that, "Accordingly, Malaysia's current account balance (CAB) continued to record a surplus registering RM12.3 billion in the first quarter of 2021 as against RM18.6 billion in the previous quarter, contributed by the positive momentum of the net exports of Goods. Whereas Foreign Direct Investment (FDI) recorded a higher inflow of RM9.1 billion compared to RM6.8 billion in the preceding quarter owing to higher inflow in equity and reinvestment of earnings and lower inflow in debt instruments. Concurrently, Direct Investment Abroad (DIA) by Malaysian companies has also increased, gaining from the reopening of the global economy, posted RM7.8 billion in the first quarter of 2021 from RM5.2 billion in the preceding quarter due to the high investment in equity abroad and retained earnings in this quarter. Meanwhile, Malaysia's trade continued to rise, with total trade recording a double-digit increase of 14.8 per cent year-on-year. In line with this, Malaysia's trade balance remained surplus at RM58.6 billion. During the same period, the Industrial Production Index (IPI) increased 3.9 per cent, supported by a strong growth of the Manufacturing index. Meanwhile, Services sector which is the largest contributor to the national economy, remained affected with the revenue and volume index declined, albeit at a slower pace than the previous quarter".*

*In the first quarter of 2021, the CPI increased 0.5 per cent to 122.5 following increases in index of Food & Non-Alcoholic Beverages (1.5%) and Miscellaneous Goods & Services (1.5%). The PPI local production also rose 3.0 per cent to 108.5 due to the higher indices of Agriculture, forestry & fishing (32.6%), Manufacturing (1.6%) and Water supply (0.4%). In the meantime, the Mining and Electricity & gas supply indices both recorded a decline of 7.3 per cent and 1.7 per cent respectively.*

*In terms of Labour market, he said, "Amidst targeted measures to manage the COVID-19 pandemic in the country, uneven recovery momentum in the labour market was observed as the number of employed persons decreased slightly year-on-year by 0.04 per cent to 15.24 million persons while the unemployment rate remained high above four per cent registering 4.8 per cent in the first quarter of 2021. From a view point of labour demand, the number of jobs in economic sector decreased marginally as filled jobs declined while vacancies posted a small increase. In overall, the labour market remains in a challenging situation as it has not returned to the way it was during pre-COVID times".*

*Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin concluded, "Based on the performance of several key economic indicators, the economy is expected to further improve in the second quarter of 2021 especially on the back of a low base as the economy contracted 17.1 per cent in the second quarter of 2020. However, the recovery is also highly dependent on the extent to which the infection of COVID-19 could be brought under control and the consequence of MCO 3.0 with tightened Standard Operating Procedures for the economic sectors and social aspects. Further to this, the Leading Index (LI) for March 2021 chalked up strong growth at 17.3 per cent, particularly due to the low base effect of March 2020 following a nationwide lockdown and the better performance of LI components. Taken together the performance of LI and the current state of COVID-19 outbreak, it is seen that the near term economic prospect is encouraging but prevailing challenges persist. Thus, our*

*utmost commitment in easing the current pandemic situation is vital so as to regain the economic momentum in the upcoming months".*

*The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.*

*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
27<sup>th</sup> MAY 2021**